

13 OCT 2003

OIC-Efektif/I

PENGERUSI OIC BARU MALAYSIA AKAN TUMPU KEPADA KEPUTUSAN PRAKTIKAL

PUTRAJAYA, 13 Okt (Bernama) -- Malaysia akan memberi tumpuan sepanjang tiga tahun akan datang sebagai pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) terhadap kegiatan yang praktikal dan boleh dilaksanakan bagi manfaat negara anggota, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar hari ini.

"Kita patut membuat keputusan yang praktikal, dan boleh dilaksanakan dan biarlah kita jangan terlalu berciat-cita tinggi. Buat apa yang kita boleh lakukan. Biarlah kita mendapat penghormatan dan kredibiliti," katanya pada sidang akhbar di akhir hari pertama Mesyuarat Persiapan Peringkat Menteri OIC di Pusat Konvensyen Putrajaya (OCC) di sini.

Beliau berkata Malaysia akan memberi tumpuan terhadap perkara yang terpilih untuk dilaksanakan daripada cuba meliputi semua perkara.

Mesyuarat dua hari peringkat menteri, yang dipengerusikan Syed Hamid itu, akan menyediakan agenda bagi sidang kemuncak itu pada Khamis dan Jumaat.

Ia akan dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Syed Hamid berkata bagi memastikan OIC efektif, apa jua keputusan yang diambil oleh pertubuhan itu tidak harus hanya boleh dilaksanakan tetapi juga hendaklah boleh dipatuhi oleh 57 negara anggotanya.

Bagaimanapun beliau menarik perhatian bahawa beberapa negara akan menghadapi masalah dalam melaksanakan dan mematuhi keputusan OIC disebabkan keperluan mereka untuk melindungi kepentingan negara mereka, serantau dan antarabangsa.

"Kita faham. Kita tidak cuba untuk mewajarkan sesuatu dan dan kita tahu akan masalahnya," katanya.

Beliau berkata kejayaan OIC akan bergantung kepada sokongan kesemua anggotanya kerana Malaysia sebagai pengerusi semata-mata tidak boleh merubah pertubuhan itu.

OIC, katanya, patut mengambil langkah kecil untuk bergerak ke hadapan dan maju supaya pandangan mereka boleh menjadi bukti kelayakan di kalangan masyarakat antarabangsa di tengah-tengah ketiadaan satu pun negara Islam yang boleh dianggap kuasa tentera dan gergasi ekonomi.

Seperti yang ada sekarang, OIC masih hanya mampu membuat kenyataan atau deklarasi mengenai penindasan terhadap negara-negara Islam seperti di Palestin, Iraq dan yang terbaru serangan lebih awal Israel terhadap Syria.

"Saya fikir kita perlu terus memastikan suara kita didengar," katanya.

Semasa menjawab soalan sama ada OIC akan membenarkan negara anggotanya menyertai pasukan bersama pengaman yang diketuai pasukan yang menduduki Iraq, Syed Hamid berkata OIC tidak ditubuhkan sebagai blok tentera begitu juga piagamnya tidak membenarkan pembentukan pasukan tentera.

Bagaimanapun anggota OIC boleh mengambil bahagian dalam menguruskan krisis dan pembinaan semula Iraq selepas Bangsa-bangsa Bersatu memainkan peranan utama dalam membina semula Iraq dan memulihkan negara itu kembali kepada demokrasi.

-- BERNAMA

JM MAD MKO RON